

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30 / 5 / 2008



AUTOGRAF... Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menghadiri sesi menandatangani autograf sempena Bookfest@Malaysia 2008 semalam.

Mahathir menandatangani autograf untuk orang ramai yang membeli buku beliau "Dr. Mahathir's Selected Letters to World Leaders" (Surat-Surat Pilihan Dr. Mahathir Kepada Pemimpin Dunia).

Turut serta pada sesi autograf tersebut ialah penulis buku berkenaan, Tan Sri Abdullah Ahmad yang juga bekas Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd. (NSTP).

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam ucapan ringkasnya memberitahu, beliau mempunyai 200 surat yang melibatkan pemimpin dunia tetapi

um- 30 / 5 / 2008
sesetengahnya tidak boleh dimasukkan ke dalam buku itu kerana terikat dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA).

"Antara surat yang tidak boleh dimasukkan ke dalam buku itu ialah surat yang ditulis kepada dua bekas Perdana Menteri Israel," katanya.

Beliau berharap pembaca akan mendapat pengetahuan mengenai negara ini dengan membaca buku tersebut yang mengandungi sebanyak 71 surat beliau kepada pemimpin dunia.

● DR. Mahathir Mohamad menandatangani autograf sempena Bookfest@Malaysia 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.